

17 MAR 1998

Replika

JUALAN REPLIKA CENDERAMATA DR MAHATHIR DI GALERIA PERDANA

LANGKAWI, 17 Mac (Bernama) -- Orang ramai berpeluang membawa pulang cenderamata yang telah diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir daripada pemimpin dan tokoh dunia di Galeria Perdana dalam bentuk replika tidak lama lagi.

Pengurus Galeria Perdana Mahani Muhammad hari ini berkata Perdana Menteri telah bersetuju supaya replika cenderamata itu dijual kepada orang ramai untuk membolehkan mereka menjadikannya sebagai kenangan selepas mengunjungi tempat itu.

Galeria Perdana mempamerkan lebih 2,000 anugerah, cenderamata dan hadiah yang diterima oleh Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali daripada pemimpin dan tokoh dunia serta masyarakat negara ini sebagai penghargaan kepada beliau.

Mahani berkata usaha itu telah lama dirancang supaya ia menjadi daya tarikan kepada orang ramai terutama kepada pelancong luar untuk membeli replika cenderamata yang dipamerkan dengan harga berpatutan.

Beliau berkata pihaknya telah mendapat kerjasama beberapa syarikat termasuk pengukir yang mahu mengeluarkan replika bagi beberapa bahan pameran yang ada di situ selewat-lewatnya pertengahan tahun ini.

Tanpa menyebut senarai cenderamata yang akan dijadikan replika untuk jualan, Mahani berkata setakat ini Langkawi Crystal sebuah syarikat pengeluar barangan kristal di sini bersetuju untuk mengeluarkan replika itu dan sedang mengkaji beberapa cenderamata untuk dihasilkan sebagai permulaan.

Beliau berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan bantuan mana-mana syarikat yang mahu membabitkan diri untuk menghasilkan lebih banyak replika untuk dijual kepada orang ramai.

Katanya kedatangan orang ramai termasuk pelancong dari seluruh dunia ke Galeria Perdana amat menggalakkan dengan lebih 200,000 orang telah mengunjunginya sepanjang tahun lepas berbanding 122,310 pada tahun sebelumnya.

Selain berpeluang melihat pelbagai jenis cenderamata yang mempamerkan keunikan dan kekayaan seni dan budaya pelbagai bangsa di dunia yang terdiri daripada tekstil, koleksi kesenian Islam, senjata, seramik, kayu, kulit, kristal dan pelbagai jenis logam, orang ramai juga berpeluang melihat keindahan ukiran siling yang dihasilkan oleh pakar seni ukiran dari Uzbekistan.-- Bernama

NH WAT